

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(GOMBAK)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.08.2017**

**Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pendapatan cukai Kerajaan sejak 2010 dan perbelanjaan tahunan Kerajaan ke atas subsidi rakyat untuk barangan seperti petrol, minyak masak dan gula sejak 2010.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan hasil Kerajaan Persekutuan dari tahun 2010 hingga 2016 adalah sebanyak RM1.42 trilion. Daripada jumlah tersebut, kutipan hasil cukai Kerajaan Persekutuan dari tahun 2010 hingga 2016 adalah sebanyak RM1.10

trilion dengan hasil daripada cukai pendapatan syarikat sebagai penyumbang terbesar iaitu sebanyak RM385.2 bilion.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 2010 hingga 2016, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM238.2 bilion untuk keseluruhan jumlah subsidi dan bantuan sosial. Daripada jumlah tersebut, RM115.7 bilion dibelanjakan untuk subsidi barang keperluan harian seperti bahan api, tepung gandum, minyak masak, gula dan bekalan elektrik. Subsidi bahan api merangkumi petrol, gas memasak dan diesel telah berkurangan daripada RM24.7 bilion pada tahun 2012 kepada RM2.4 bilion pada tahun 2016 berikutan penurunan harga purata minyak mentah *Brent* dunia daripada USD112 pada tahun 2012 kepada USD44 pada tahun 2016 serta pelaksanaan mekanisme pengapungan harga terkawal (*managed float pricing*) bermula Disember 2014.

3. Kerajaan juga telah membelanjakan sebanyak RM84.5 bilion bagi tempoh 2010 hingga 2016 untuk bantuan sosial seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), bantuan kebajikan masyarakat dan

bantuan pendidikan seperti bantuan persekolahan, baucar buku dan biasiswa. Di samping itu, bagi tempoh yang sama, perbelanjaan subsidi dan insentif untuk meningkatkan hasil pertanian, perikanan dan perladangan pula adalah sebanyak RM12.2 bilion. Pada masa yang sama, sejumlah RM4.3 bilion telah dibelanjakan bagi subsidi perkhidmatan pengangkutan, termasuk subsidi tol serta perkhidmatan udara luar bandar dan tren ke lokasi tidak ekonomik.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kerajaan telah mula melaksanakan rasionalisasi subsidi sebagai salah satu langkah pembaharuan fiskal (*fiscal reform*) sejak tahun 2013 bagi mengalih secara berperingkat kaedah pemberian subsidi secara pukal kepada subsidi yang lebih bersasar. Di bawah prinsip ini, pemberian subsidi tetap diteruskan tetapi disasarkan hanya kepada golongan berpendapatan rendah yang benar-benar memerlukan.

5. Selain itu, pelaksanaan langkah rasionalisasi subsidi ini adalah bagi meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan pengagihan sumber kewangan negara serta menggalakkan penggunaan sumber tenaga yang lebih cekap. Ketirisan perbelanjaan Kerajaan juga dapat

dikurangkan khususnya melalui pengurangan kegiatan penyeludupan dan penyelewengan serta penggunaan barang bersubsidi oleh warga asing.

6. Penjimatan daripada langkah rasionalisasi subsidi ini membolehkan Kerajaan menyediakan lebih banyak peruntukan untuk program dan kemudahan yang memberi manfaat kepada rakyat terutamanya kelompok B40. Langkah ini juga akan meningkatkan kecekapan perbelanjaan Kerajaan, seterusnya mengukuhkan kedudukan fiskal negara. Hal ini adalah penting bagi memastikan kemampunan fiskal jangka panjang dan mengekalkan daya tahan ekonomi negara seterusnya mempertukuh kemampuan Kerajaan untuk melaksanakan langkah kitaran balas (*counter-cyclical measures*) dalam menyokong ekonomi jika menghadapi krisis. Walaupun Kerajaan komited dalam langkah konsolidasi fiskal dan rasionalisasi subsidi, namun, kebijakan dan kepentingan rakyat tetap menjadi keutamaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD MANAP [ SEKIJANG ]**

**TARIKH : 8 OGOS 2017 (SELASA)**

**SOALAN : 77**

Tuan Anuar Bin Abd Manap [ Sekijang ] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan sistem pemberian mata demerit (KEJARA) bagi mengurangkan kesalahan pengguna jalan raya.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan telah menguatkuaskan pelaksanaan Automated Awareness Safety System (AwAS) pada 15 April 2017. Pelaksanaan AwAS adalah merupakan gabungan penguatkuasaan Sistem Mata Demerit (KEJARA) dan kesalahan terjadual termasuklah kesalahan memandu tidak mematuhi had laju dan lampu isyarat merah.

Dalam hubungan ini, sistem Sistem Mata Demerit atau KEJARA adalah suatu inisiatif penguatkuasaan yang berkesan dalam memastikan semua pengguna jalan raya menghormati dan mematuhi peraturan lalu lintas tanpa mengira latar belakang pendapatan mereka. Ini memandangkan di bawah sistem KEJARA yang baharu ini, Mata Demerit akan dikenakan apabila penalti yang ditetapkan bagi suatu notis saman diselesaikan melalui pembayaran sama ada secara bayaran kompaun atau denda yang ditentukan oleh Mahkamah.

Pengguna jalan raya yang telah mengumpul suatu mata yang ditetapkan, tindakan penggantungan atau pembatalan lesen memandu akan dikenakan setelah suatu amaran diberikan. Dalam erti kata yang lain, sistem KEJARA ini akan dapat memastikan pengguna jalan raya agar tidak mengulangi kesalahan lalu lintas dan berupaya mengubah tingkah laku ke arah pemanduan yang berhemah dan mengutamakan budaya “safety-first”.

Tuan Yang di-Pertua,

Keberkesanan pelaksanaan KEJARA dapat dilihat perbandingan empat (4) bulan pengeluaran notis saman bermula Januari hingga 14 April 2017 yang berjumlah **157,931** bagi **14 lokasi kamera** manakala bagi tempoh masa bermula 15 April hingga 18 Julai 2017, pengeluaran notis saman hanya berjumlah **142,135** bagi **21 lokasi kamera**.

Jumlah pemandu yang telah diberikan mata demerit sejak sistem mata demerit diperkenalkan ialah 7,258.